

No. Soalan: 50  
PR-1333-L69746

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH [ MUKAH ]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2015**

**SOALAN : Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [ Mukah ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah perubahan dari perhubungan Australia-Malaysia selepas perubahan kepimpinan baru Kerajaan Australia.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mukah atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Australia merupakan rakan penting bagi Malaysia dalam rantau ini dengan kerjasama yang menyerlah dalam beberapa bidang seperti perdagangan dan pelaburan, pendidikan, pertahanan dan keselamatan, pelancongan dan hubungan antara orang ramai (*people-to-people relations*). Terdapat juga beberapa perjanjian dan memorandum persefahaman yang telah ditandatangani antara kedua-dua negara yang menjadi pemangkin kepada aktiviti-aktiviti yang lebih memberangsangkan dalam bidang-bidang seperti berkenaan. Kerjasama di antara Malaysia dan Australia juga turut diperkuuh menerusi mesyuarat-mesyuarat dan forum-forum yang berkaitan contohnya Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS).
  
3. Kerajaan Malaysia mengambil maklum akan perubahan kepimpinan baru Kerajaan Australia baru-baru ini, dengan pengekalan Menteri Luar Negeri Australia. Dalam hal ini, dijangka dasar luar negeri Australia akan dikekalkan memandangkan Menteri yang sama masih memegang portfolio Menteri Luar Negeri. Tambahan pula, tiada pengumuman mengenai sebarang perubahan terhadap dasar luar negeri yang diumumkan oleh kepimpinan baru Kerajaan Australia tersebut. Kerajaan juga menjangkakan bahawa perjanjian-perjanjian dan mesyuarat-mesyuarat antara Malaysia dan

Australia yang kini dalam proses perbincangan juga akan diteruskan walaupun dengan perubahan kepimpinan Kerajaan Australia.

Sekian, terima kasih.